

Latar Belakang

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) merupakan salah satu unit yang diletakkan di bawah Pejabat Rektor UiTM Cawangan Selangor (UCS). Lokasi pejabat UHEI adalah di **Aras 5, Bangunan FF1, UiTM Kampus Puncak Alam**. UHEI ditubuhkan bagi membantu pelajar dan warga kampus melengkapkan diri dengan pengetahuan dan ilmu agama Islam disamping menyelesaikan hal ehwal Islam berkaitan yang berbangkit dikalangan pelajar dan warga kampus.

Antara **objektif utama penubuhan UHEI** yang menjurus kepada perkhidmatan bimbingan adalah seperti berikut:

- **Memberi bimbingan keagamaan** kepada pelanggan dengan membimbing mereka kepada ajaran Islam yang benar, bagi menyelesaikan masalah diri dan nilai sosial yang dihadapi.
- **Memberi khidmat nasihat** kepada pelanggan di dalam hal ehwal agama.

Sejajar dengan transformasi digital dalam menyokong **inisiatif Kampus Digital** yang diaspirasikan dalam **Pelan Strategik UiTM2025**, pihak UHEI telah mengambil langkah proaktif untuk mengautomasi proses kerja bagi memudahkan pengurusan bimbingan hal ehwal Islam agar lebih teratur, efisien dan mudah untuk dicapai oleh warga UCS khususnya.

Satu **Sistem Pengurusan Bimbingan Hal Ehwal Islam** secara dalam talian telah dibangunkan melalui projek pembangunan sistem dengan kerjasama Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

PROFIL PROJEK

Tarikh Mula : 12 April 2021

Tarikh Tamat : 30 Jun 2022

Tempoh : 8 Bulan

Kaedah Pelaksanaan: In-House

Sistem GoLive: 6 Julai 2022

Objektif:

- **Menyediakan platform** pengurusan perkhidmatan bimbingan daripada Unit Hal Ehwal Islam UCS secara dalam talian.
- **Mewujudkan pangkalan data** bagi pengurusan perkhidmatan bimbingan.
- **Mengautomasi proses kerja** pengurusan dan perkhidmatan bimbingan yang disediakan oleh Unit Hal Ehwal Islam UCS.

PASUKAN PROJEK

Pengurus Projek

- Pn Nura Mohd Thalha

Subject Matter Expert (SME)

- Ustaz Muhamad Azlan Md Aris

Pasukan Projek

- Pn Norhidayat Kamarudin
(Developer)

- Ustaz Saiful Anuar Mohamed Sani
(Tester)

- Ustazah Noor Rashidah A. Rahman
(Tester)

Fakta Ringkas

Sistem MyHEI

TENAGA KERJA

2 Orang

(1 PTMK, 1 PPTMK)

INFORMASI MyHEI

5 Modul MyHEI

3 Peringkat Capaian (Access Role)

3 Kategori Pengguna
(Staf, Pelajar, Komuniti Luar)

INFRASTRUKTUR myHEI

Aplikasi: Web-based Technology


Pangkalan Data: Rational DB

Integrasi:

- **Authentication**: Login WebSSO dan Student Portal (Akses ke sistem bagi staf dan pelajar)
- **Integrasi Data**:
 - Staf - STARS/HR2U
 - Pelajar - SIMS

Objektif, Fungsi & Info Sistem myHEI

Sistem PENGURUSAN BIMBINGAN Hal Ehwal Islam



OBJEKTIF

Sistem Pengurusan Bimbingan Hal Ehwal Islam merupakan sistem yang dibangunkan bagi mengurus proses permohonan bimbingan daripada pelajar, staf dan komuniti luar oleh Pegawai Pembimbing Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor.

Secara keseluruhannya, pemilik proses bagi sistem ini adalah Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam

Objektif Sistem myHEI dibangunkan adalah

- Menyediakan **platform pengurusan perkhidmatan bimbingan** Hal Ehwal Islam secara dalam talian.
- Mewujudkan **pangkalan data tunggal** bagi pengurusan perkhidmatan bimbingan.
- **Mengautomasi proses kerja** pengurusan dan perkhidmatan bimbingan yang disediakan oleh Unit Hal Ehwal Islam UCS.



MODUL

Lima (5) modul utama di dalam Sistem MyHEI UCS adalah seperti berikut :

1. Modul Bimbingan Individu

Merupakan modul **permohonan temujanji secara individu** dengan pegawai pembimbing Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UCS. Bimbingan diberi adalah berkaitan dengan perkara Hal Ehwal Islam.

2. Modul Bimbingan Berkelompok

Merupakan modul **permohonan temujanji secara berkelompok** atau berkumpul dalam satu masa yang sama berkaitan dengan Hal Ehwal Islam.

3. Modul Program Bimbingan

Merupakan **modul permohonan bagi mendapatkan khidmat bimbingan** daripada pegawai pembimbing melalui penganjuran program.

4. Modul Laporan & Statistik

Merupakan modul bagi menjana **laporan keseluruhan** bagi semua rekod permohonan mengikut jenis bimbingan:

- Bimbingan secara **Individu**
- Bimbingan secara **Berkelompok**
- Bimbingan melalui **Program**
- Senarai Pemohon

5. Modul Pengurusan Pengguna

Merupakan modul bagi:

- **Mendaftar dan mengemaskini** maklumat pembimbing.
- **Mendaftar dan mengemaskini** maklumat akses pengguna sistem.

PERANAN PENGGUNA

Peringkat Capaian (Access Level)

Jenis Pengguna:

Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan

Peranan: **Admin UHEI**

Keterangan:

- **Mengurus** maklumat pembimbing semasa.
- **Membuat semakan** dan **kelulusan** permohonan temujanji bimbingan.
- **Mengemaskini** maklumat selepas bimbingan diberikan.



Jenis Pengguna:

Pegawai/Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam

Peranan: **Staf UHEI**

Keterangan :

- **Membuat semakan** maklumat permohonan yang bimbingan yang diterima.
- **Mengemaskini** maklumat selepas bimbingan diberikan.



Jenis Pengguna:

Staf, Pelajar, Komuniti Luar

Peranan: **Pengguna Biasa**

Keterangan :

- **Membuat permohonan** untuk mendapatkan temujanji pembimbing bagi bimbingan secara individu, berkelompok dan mendapatkan khidmat pembimbing bagi program anjuran dalam dan luar UiTM.



KHIDMAT SOKONGAN

Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dipertanggungjawabkan untuk menguruskan dan menyelenggara Sistem MyHEI berdasarkan kepada keperluan pemilik sistem iaitu Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Unit Sistem Maklumat diberi tanggungjawab untuk:

- **Menguruskan pembangunan modul baharu dan penambahbaikan sistem** berdasarkan keperluan semasa.
- **Menyelenggara** dan memastikan Sistem MyHEI UCS beroperasi dalam keadaan baik dan lancar.
- Memberi **khidmat sokongan teknikal** berkaitan kepada pengguna sistem.



Semua aduan perlu disalurkan melalui Sistem UNITS.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

- UNIT HAL EHWAL ISLAM
UiTM Cawangan Selangor
42300 Puncak Alam, Selangor
- uhei_ucs@uitm.edu.my
- Tel: +603-3258 4000
- Fax: +603-5544 3999



Cawangan
Selangor

Sila imbas QR Code untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Bahagian Infostruktur, UCS

